

KENYATAAN MEDIA

VIVANTIE SARJUNI DILANTIK KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF BAHARU INSKEN

CYBERJAYA, 1 JULAI 2025 – Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN), mengumumkan pelantikan Vivantie Sarjuni sebagai Ketua Pegawai Eksekutif yang baharu berkuat kuasa hari ini. Vivantie berpengalaman lebih 20 tahun dalam syarikat multinasional (MNC) dan agensi kerajaan serta mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi, inovasi dan kreativiti.

Berpengalaman luas dalam bidang keusahawanan sosial, beliau pernah menghabiskan setahun enam bulan di Scotland untuk mendalami ekosistem inovasi sosial di Eropah dan juga berkhidmat selama empat tahun dengan sebuah syarikat berpangkalan di Albuquerque, New Mexico, Amerika Syarikat, yang memperkukuhkan pemahamannya tentang pelbagai ekosistem global.

Sebelum menyertai INSKEN, Vivantie pernah berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Pusat Ekonomi Kreatif dan Inovasi Sabah (SCENIC). Kini beliau masih memegang jawatan Pengerusi Jawatankuasa Kecil Ekonomi di bawah Majlis Penasihat Wanita Sabah (MPWS) dan juga sebagai Presiden Alumni Chevening Malaysia (2024–2026).

Vivantie juga telah dinobatkan dengan pelbagai anugerah seperti *Kindness & Leadership 50 Leading Lights In The Asia Pacific 2024*, *Wiki Impact - 100 Changemakers In Malaysia 2024*, *Sabah's 100 Most Inspiring Women* dan banyak lagi.

Barisan Ahli Lembaga Pemegang Amanah serta seluruh warga kerja INSKEN mengalu-alukan pelantikan Vivantie dan mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang telah memberikan persetujuan lantikan tersebut.

Pelantikan Vivantie diharap dapat memperkukuh pengurusan dan gerak kerja INSKEN, selain memperkasakan ekosistem keusahawanan negara dalam membantu usahawan mikro dan informal untuk kekal berdaya saing serta terus memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat Malaysia, khususnya golongan usahawan.

-TAMAT-



INSKEN merupakan sebuah agensi di bawah naungan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang menawarkan inisiatif pembangunan kapasiti usahawan melalui program latihan dan bimbingan. Selaras dengan tagline "Membangun Usahawan Madani" INSKEN berwawasan untuk memantapkan perniagaan usahawan yang berdaya maju, lestari, mapan di samping merealisasikan serta mengukuhkan lagi ekosistem keusahawanan negara. Maklumat lanjut mengenai program latihan keusahawanan anjuran Institut Keusahawanan Negara Berhad boleh didapati melalui laman web rasmi INSKEN di www.insken.gov.my.

Sebarang pertanyaan mengenai media, sila hubungi Puan Nina Kamalia (Ketua Jabatan Pemasaran dan Perhubungan Awam) di 03-83148861 atau Puan Atiqah (Eksekutif Kanan Jabatan Pemasaran dan Perhubungan Awam) di 03-83148832.

**JABATAN PEMASARAN DAN PERHUBUNGAN AWAM
INSTITUT KEUSAHAWANAN NEGARA BERHAD
1 JULAI 2025**